

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING [BANGI]**

**TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DR. ONG KIAN MING [ BANGI ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Saluran Khas China (*China Special Channel*) yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan (PH) untuk menarik pelaburan berkualiti dari China ke Malaysia akan dilanjutkan di bawah Kerajaan Perikatan Nasional (PN) dan apakah strategi baharu yang sedang dirancang untuk terus menarik pelaburan berkualiti dari China ke Malaysia 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah memutuskan bahawa inisiatif Saluran Khas China (*China Special Channel* - CSC) akan diterajui oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sebagai *one-stop centre* dan agensi promosi pelaburan utama Malaysia.

2. Selaras dengan mandat dan peranan sebagai agensi utama promosi pelaburan dan penyelaras strategi promosi dengan agensi-agensi promosi pelaburan yang lain termasuk InvestKL, keputusan serta langkah ini amat penting bagi memberi mesej yang jelas tanpa menimbulkan kekeliruan di kalangan para pelabur asing termasuk dari negara China.

3. Selain daripada itu, keputusan ini juga amat bertepatan dengan peranan MIDA sebagai sekretariat kepada Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (*National Committee on Investment - NCI*) yang bertanggungjawab untuk mempercepatkan proses kelulusan projek pelaburan yang berkualiti tinggi. Justeru, pelaksanaan CSC dijangka akan lebih efektif memandangkan MIDA menyediakan ekosistem industri yang menyeluruh di Malaysia dan memberikan fasilitasi berterusan kepada para pelabur.

**Tuan Yang di-Pertua,**

4. Sungguhpun Malaysia berhadapan dengan pandemik COVID-19 dan ketidaktentuan ekonomi global, Malaysia masih dilihat oleh para pelabur asing termasuk daripada China, sebagai destinasi pelaburan utama yang berdaya saing di rantau ini. Malah, China merupakan sumber pelaburan langsung asing terbesar dalam sektor perkilangan semenjak tahun 2016.

5. Bagi tempoh 2016 hingga 2019, projek-projek pelaburan dalam sektor perkilangan yang diluluskan dari China adalah sebanyak RM40.26 bilion yang menyediakan sejumlah 40,527 peluang pekerjaan dalam industri berikut:

- (i) Elektrik dan elektronik;
- (ii) Teknologi pengangkutan;
- (iii) Produk getah;
- (iv) Produk mineral bukan logam; dan
- (v) Kertas, percetakan dan penerbitan.

6. Sehingga 31 Mei 2020, MIDA juga telah memberikan khidmat fasilitasi kepada 86 syarikat dari China dan juga negara-negara lain yang berminat untuk menempatkan operasi di Malaysia. Daripada jumlah ini, MIDA telah berjaya menarik sejumlah 32 projek dengan pelaburan berjumlah RM17.5 bilion, di mana 28 projek dengan pelaburan berjumlah RM8.36 bilion telah diluluskan dan empat (4) projek dengan pelaburan berjumlah RM9.14 bilion sedang dinilai.

**Tuan Yang di-Pertua,**

7. Di antara strategi yang dilaksanakan oleh MIDA dalam menarik pelaburan berkualiti dari China ke Malaysia adalah:

- (i) Penubuhan *MIDA China Team* yang terdiri daripada tiga (3) pejabat luar negara di pusat-pusat industri strategik iaitu Beijing, Shanghai dan Guangzhou dan ‘*China Desk*’ di ibu pejabat MIDA;
- (ii) Memanfaatkan peluang pelaburan daripada dasar Kerajaan China Semasa iaitu *Belt & Road Initiative (BRI)* melalui pembinaan taman perindustrian, hab logistik serta *Transit Oriented Developments (TOD)*;
- (iii) Memudahcarakan aliran masuk pelaburan asing ekoran isu hubungan antara ketegangan perdagangan di antara Amerika Syarikat - China;
- (iv) Menyasarkan 10 sektor keutamaan di bawah dasar ‘*Made in China 2025*’ termasuk mesin automatik dan robotik, aeroangkasa dan aeronautik, biopharma dan peralatan perubatan teknologi maklumat canggih, bahan baharu dan kenderaan dan peralatan tenaga baharu;
- (v) Menyasarkan syarikat-syarikat China yang terlibat dalam sektor teknologi dan tersenarai di *Fortune China 500* serta *Global Unicorns*;
- (vi) Mengenal pasti dan memudahcarakan syarikat-syarikat multinasional yang merancang untuk memindahkan operasi mereka dari China ke Malaysia, termasuk para pelabur dari Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan dan Eropah dengan mempromosikan Malaysia sebagai pangkalan alternatif baharu di rantau Asia. Projek-projek yang disasarkan termasuk berteknologi tinggi, nilai ditambah yang tinggi, berintensif pengetahuan, kemahiran intensif, berorientasi

eksport, berintensif modal, reka bentuk dan penyelidikan dan pembangunan;

- (vii) Memastikan kelancaran pelaksanaan dan operasi projek-projek pelaburan dari negara China melalui *Project Acceleration and Coordination Unit (PACU)* di bawah MIDA serta menawarkan bantuan melalui rundingan terus dan kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa berkenaan di peringkat persekutuan dan negeri;
- (viii) Pemberian lanjutan tempoh pelaksanaan projek bagi sektor perkilangan selama 12 bulan tambahan secara automatik, selepas syarikat telah mendapat kelulusan interim atau Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 yang masih belum melaksanakan projek tersebut; dan
- (ix) Pelaksanaan *e-Manufacturing License (e-ML)* yang membolehkan syarikat-syarikat mengemukakan permohonan mereka bagi projek-projek baharu secara atas talian.

**Tuan Yang di-Pertua,**

8. MITI melalui agensi-agensi di bawahnya akan terus berusaha dan bekerjasama erat dengan pelbagai Kementerian dan Agensi di peringkat persekutuan dan negeri dalam menarik pelaburan berkualiti dari China ke Malaysia pada 2020 dan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.